

Kementerian Pertahanan, ABDB bertahlil di Kubah Makam Diraja

Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohamad Noor / Morshidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 28 Mei. - Kementerian Pertahanan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) hari ini mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Bertahlil bersempena dengan Sambutan Hari Ulang Tahun ABDB Ke-57 tahun, di samping menyemarakkan bulan suci Ramadhan 1439 Hijrah.

Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Bertahlil tersebut adalah bagi ayahanda dan bonda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammed Jamalul Alam dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti

Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman. Majlis Bertahlil diadakan di Kubah Makam Diraja, Jalan Kubah Makam Diraja, di sini.

Rombongan dari Kementerian Pertahanan dan ABDB tersebut diketuai oleh Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Juga hadir, Pemerintah ABDB; Mejar Jeneral Pengiran Dato Seri Pahlawan Aminan bin Pengiran Haji Mahmud; Setiausaha Tetap di Kementerian Pertahanan, Kapten (B) Abdul Rahman bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar; Pemcrintah-Pemcrintah Tentera dan Pemerintah Angkatan Bersama; Timbalan Setiausaha Tetap (Teknologi dan Pembangunan), Pengarah-Pengarah, Komandan-Komandan,



ROMBONGAN dari Kementerian Pertahanan dan ABDB diketuai oleh Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan kakitangan bersama; Timbalan Setiausaha Tetap (Teknologi dan Pembangunan), Pengarah-Pengarah, Komandan-Komandan,

dipimpin oleh Pegawai Ugama Kanan Kementerian Pertahanan, Awang Haji Roslan bin Haji Sulaiman yang juga seterusnya membacakan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara

Brunei Darussalam.

Majlis Tahhil juga akan diteruskan selama dua hari daripada unit-unit Angkatan Tentera ABDB dan Institut Latihan ABDB.

Hidupkan Ramadan dengan bertahlil



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman (tiga, kiri) semasa mengetuai rombongan Kementerian Pendidikan dan jabatan-jabatan di bawahnya pada Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil di Kubah Makam Diraja.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 28 Mei. - Bagi menyemarakkan lagi suasana bulan Ramadan yang penuh

keberkatan ini, Kementerian Pendidikan dan jabatan-jabatan di bawahnya turut mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin

dan Tahlil di Kubah Makam Diraja.

Majlis Tahlil tersebut adalah bagi ayahanda dan bonda

Berita dan Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam iaitu Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bonchahara Pengiran Anak Abdul Rahman.

Hadir mengutai rombongan ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman.

Turut hadir, Pemangku Setiausaha Tetap, Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad; Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA).

Dr. Awang Haji Norfarhan bin Haji Zainal; pegawai-pegawai kanan; pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Pendidikan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Yaa Siin diikuti dengan bacaan Tahlil beramai-ramai dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Muhd. Azrol Alim bin Haji Zaini.

Acara keagamaan itu merupakan program tahunan Kementerian Pendidikan bagi menghidupkan bulan Ramadan dan seterusnya meraih ganjaran pahala yang berlipat ganda.

Pada tahun ini, majlis dikendalikan oleh Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Jabatan Perkembangan Kurikulum dan Bahagian Biasiswa, Kementerian Pendidikan.

Belia sertai Majlis Tahlil

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Masri Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 28 Mei. - Ramadan terus diimarahkan dengan majlis keagamaan demi mengharapkan ganjaran pahala berlipat ganda di bulan suci ini.

Sehubungan itu, hampir 200 belia hadir di Majlis Tahlil di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong di sini.

Hadir mengutai rombongan berkenaan ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji

Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Belia tersebut terdiri daripada bekas peserta Program Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara dan Jepun (SSEAYP) dari Tahun 2014 - 2017, belia-belia masjid, atlet termasuk dari Cawangan-Cawangan Jabatan Belia dan Sukan dari Dacrah Tutong, Belait dan Temburong.

Majlis dimulakan dengan membaca Surah Yaa Siin diikuti Tahlil beramai-ramai dipimpin



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin (tengah) semasa mengetuai rombongan pada Majlis Tahlil di Kubah Makam Diraja.

oleh Pegawai Penyelidik dan Penterjemah Bahasa Arab, Pusat Sejarah Brunei, Awang Haji Abd. Kadir bin N.C

Mohammad.

Sejurus selepas itu, belia-belia tersebut juga menuaikna Sembahyang Fardu Zuhur

berjemaah di Masjid Duli Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Kampung Tamoi.